

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 26 JANUARI 2017 (KHAMIS)

Shah Alam 26 Januari 17

MBSA perkenal sistem 'flexi parking'

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memperkenalkan sistem 'flexi parking' sebagai inisiatif baru menggantikan sistem parkir berkupon ataupun pas bulanan, semalam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, penduduk kini boleh menggunakan aplikasi berkenaan di telefon pintar masing-masing.

Beliau berkata, kaedah 'flexi parking' itu satu inisiatif penambahbaikan pengurusan tempat letak kereta yang lebih sistematik di samping dapat menjimatkan masa pengguna jalan raya.

"Melalui sistem ini, orang ramai boleh membuat belian kredit secara terus melalui perbankan Internet dan ia memudahkan pengguna kerana mereka tidak perlu lagi bersusah-payah membeli serta mempamerkan kupon di kenderaan.

"Malah penggunaan sistem 'flexi parking' ini turut memberi kesan positif kepada alam sekitar kerana ia dapat mengurangkan penggunaan kertas," katanya.